



KETUA PENGARAH
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
Ibu Pejabat, Aras 9, Menara PJH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8871 6104
Faks : 03-8871 6145
E-mel : jmgkll@jmg.gov.my
Laman Web : <http://www.jmg.gov.my>

No. Ruj : JMG.KLL:(PN)(S)08/146 JLD. II (3)
Tarikh : 29 Disember 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

EDARAN SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 2020 – PEMAKLUMAN PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2020 – Pemakluman Pemakaian dan Penguatkuasaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)**.
3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan makluman mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HISAMUDDIN BIN TERMIDI)
Ketua Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
MALAYSIA

Edaran Dalaman:

TKP (OPS)

TKP (KEM)

Pengarah (PPO)

Pengarah (PP)

Pengarah (EM)



Pengarah (PM)

KUI

Unit Pentadbiran (Fail)

Su Pjekat,

Sila Sunt permatikan kpd
semua pegawai berkaitan
anahan keselamatan mindean
2017 ini. tk.

Lia
6/1/2022.

SENARAI EDARAN:

Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Teknikal (BPT)
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Jalan Sultan Azlan Shah
Peti Surat 1015
30820 Ipoh
PERAK

Pengarah Kanan
Pusat Penyelidikan Mineral (PPM)
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Peti Surat 1019
Jalan Sultan Azlan Shah
31400 Ipoh
PERAK

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Selangor/Wilayah Persekutuan
Tingkat 6 dan 7, Bangunan Darul Ehsan
No 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam
SELANGOR

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Kedah/Perlis/Pulau Pinang
Jalan Perak, Seberang Jalan Putra
05150 Alor Setar
KEDAH

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Perak
Jalan Sultan Azlan Shah
31400 Ipoh
PERAK

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Negeri Sembilan/Melaka
Jalan Tunku Kurshiah
70400 Seremban
NEGERI SEMBILAN

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Johor
Tingkat 9, Menara TH
Jalan Ayer Molek , 80000 Johor Bharu
JOHOR


Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Pahang
Jalan IM 4/1, Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
PAHANG

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Terengganu
Lot PT 3102K
Jalan Sultan Sulaiman
20000 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Kelantan
Tingkat 3, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15658 Kota Bharu
KELANTAN

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Sarawak
Jalan Wan Abdul Rahman
Peti Surat 560
93658 Kuching
SARAWAK

Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Sabah
Beg Berkunci 2042
Jalan Penampang
88999 Kota Kinabalu
SABAH



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Rujukan kami: KPKK(R)100-1/5/4 Jld.2 (15)
Tarikh : 8 Januari 2020

Seperti Senarai Edaran,

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan

EDARAN SURAT PEKELILING AM BIL.1 TAHUN 2020 – PERMAKLUMAN PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini dikemukakan **Surat Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2020 – Pemakluman Pemakaian dan Penguatkuasaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)** untuk perhatian dan makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.
3. Dalam hal ini, dimohon YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengedarkan surat pekeliling ini kepada semua Jabatan serta Agensi Kerajaan di bawah tanggungjawab masing-masing.
4. Sesungguhnya atas perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI BIN ZAKARIA)

‘KERAHSIAAN TERPELIHARA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA’



ISO 9001-0048595



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 2020

**PEMAKLUMAN PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN
ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)**

JABATAN PERDANA MENTERI

02 Januari 2020

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEMAKLUMAN PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan menarik perhatian semua Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan Persekutuan/ YB Setiausaha Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk memaklumkan bahawa Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 5 Julai 2017 yang lalu.

LATAR BELAKANG

2. Arahan Keselamatan sedla ada telah dikeluarkan pada tahun 1985 yang menyentuh berkaitan keselamatan kelengkapan dan bahan-bahan rasmi termasuk komputer tetapi langkah-langkah perlindungan keselamatannya lebih tertumpu kepada keperluan untuk memproses, menyimpan dan menghantar maklumat. Justeru, pindaan Arahan Keselamatan baharu ini telah digubal dengan mengambil kira aspek keselamatan perlindungan secara lebih holistik dengan menumpukan kepada sistem keselamatan perlindungan fizikal, dokumen, peribadi dan keselamatan ICT.

3. Perubahan amalan kerja pegawai awam masa kini yang melibatkan penggunaan kemudahan ICT secara meluas untuk pelbagai tujuan rasmi dan peribadi telah mendedahkan agensi Kerajaan kepada ancaman keselamatan maklumat serta budaya dan perhubungan di antara rakyat dan Kerajaan tanpa sempadan. Maklumat atau data yang dikendalikan tanpa kawalan yang sempurna boleh dikompromi dan dipinda dengan mudah sehingga menjadikannya kurang tepat serta boleh mendatangkan implikasi buruk dan mengundang malapetaka terhadap keselamatan, pertahanan, ekonomi, perjalanan fungsi-fungsi Kerajaan, imej individu dan negara. Maklumat adalah aset utama Kerajaan dan keselamatan perlindungan yang betul adalah kunci kepada penyampaian perkhidmatan dan integriti Kerajaan. Justeru itu, kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan perlu mempunyai keyakinan bahawa maklumat atau kerahsiaan Kerajaan yang dikendalikan hendaklah sentiasa selamat dan terpelihara sepanjang urusan pemprosesan, penyimpanan, penyampaian dan pemusnahan.

4. Kebergantungan terhadap penggunaan ICT semakin bertambah maka cabaran keselamatan berkaitannya juga turut meningkat dan bertambah kompleks. Proses kerja dalam perkhidmatan Kerajaan kini bergantung kepada kaedah elektronik, justeru hendaklah dipastikan adanya arahan yang perlu dilaksanakan serta dipatuhi supaya aset dan kerahsiaan maklumat sentiasa berada dalam keadaan selamat serta terkawal sepanjang masa. Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan perlu memastikan langkah-langkah keselamatan maklumat, dan aset dilaksanakan mengikut Arahan Keselamatan yang ditetapkan secara seragam. Pematuhan terhadap Arahan Keselamatan secara menyeluruh dan komprehensif amat diperlukan agar dapat memberi impak keselamatan, meningkatkan imej jabatan dan memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

PELAKSANAAN

5. Untuk makluman, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan sedang dalam proses membuat pengedaran Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan secara berperingkat. Walau bagaimanapun, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang dibekalkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah terhad bilangannya memandangkan peruntukan kewangan pejabat ini yang terbatas.

6. Sekiranya pihak Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan berhasrat untuk mencetak sendiri Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) maka **semua urusan percetakan hendaklah dirujuk terlebih dahulu ke Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan**. Keperluan rujukan dibuat adalah untuk memastikan aspek kawalan terhadap **nombor siri, spesifikasi, softcopy dan sanitasi (secure deletion) maklumat** dilaksanakan sewajarnya kerana Arahan Keselamatan ini telah diperingkatkan sebagai 'TERHAD' dan kawalannya tertakluk kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972. Untuk makluman, Senarai Kod No. Siri bagi Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk Cetakan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) adalah seperti di **Lampiran A**.

7. Sehubungan dengan itu, memandangkan Arahan Keselamatan adalah dokumen rahsia rasmi yang dikelaskan sebagai 'TERHAD', maka Ketua Jabatan atau Pegawai Keselamatan Jabatan atau mana-mana pegawai yang berkenaan **hendaklah bertanggungjawab ke atas Arahan Keselamatan ini dan salinan yang dibuat**. Maka dengan itu, arahan kawalan ke atasnya hendaklah diutamakan mengikut peraturan seperti di **Lampiran B**.

8. Sekiranya pihak Yang Berbahagia Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang kemasukan boleh menghubungi Pejabat ini seperti berikut:

**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1,1 dan 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Malaysia
Tel : 03-8872 6038/6039 | Faks: 03-8888 3258
E-mel : kictrr@cgso.gov.my**

PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini maka Arahan Keselamatan yang dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Am Sulit Bil.1 Tahun 1985 adalah terbatal. Dalam hal ini, buku Arahan Keselamatan yang dikeluarkan pada tahun 1985 hendaklah dimusnahkan sepertimana peruntukan dalam perenggan 115, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan Persekutuan/ YB Setiausaha Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUATKUASA

11. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI)

Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN A**SENARAI KOD NO. SIRI BAGI KEMENTERIAN DAN PEJABAT SUK NEGERI
UNTUK CETAKAN ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)**

BIL	KEMENTERIAN	KOD NO. SIRI
1.	Jabatan Perdana Menteri	A - 00001
2.	Kementerian Kewangan	B - 00001
3.	Kementerian Dalam Negeri	C - 00001
4.	Kementerian Wilayah	D - 00001
5.	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	E - 00001
6.	Kementerian Pengangkutan	F - 00001
7.	Kementerian Luar Negeri	G - 00001
8.	Kementerian Kerja Raya	H - 00001
9.	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	J - 00001
10.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	K - 00001
11.	Kementerian Kesihatan	L - 00001
12.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	M - 00001
13.	Kementerian Belia dan Sukan	N - 00001
14.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	O - 00001
15.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	P - 00001
16.	Kementerian Pendidikan	Q - 00001
17.	Kementerian Sumber Manusia	R - 00001
18.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	S - 00001
19.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	T - 00001
20.	Kementerian Industri Utama	U - 00001
21.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	V - 00001
22.	Kementerian Pembangunan Usahawan	W - 00001
23.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	X - 00001
24.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Y - 00001
25.	Kementerian Pertahanan	Z - 00001

**SENARAI KOD NO. SIRI BAGI KEMENTERIAN DAN PEJABAT SUK NEGERI
UNTUK CETAKAN ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)**

BIL	KEMENTERIAN	KOD NO. SIRI
1.	Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak	SWK - 00001
2.	Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah	SBH - 00001
3.	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	PRK - 00001
4.	Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	MLK - 00001
5.	Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	KDH - 00001
6.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	SEL - 00001
7.	Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu	TRG - 00001
8.	Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	JHR - 00001
9.	Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	PP - 00001
10.	Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	NS - 00001
11.	Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	KEL - 00001
12.	Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang	PHG - 00001
13.	Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	PER - 00001

LAMPIRAN B

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN PENGAWALAN BUKU ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)

1. Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang ada di dalam simpanan Kementerian/ Jabatannya;
2. Kawalan Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) ini perlulah mematuhi syarat-syarat berikut:
 - 2.1. Menyediakan Buku Rekod Kawalan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) untuk mencatat pergerakan/ pinjaman oleh mana-mana pegawai/ kakitangan; dan
 - 2.2. Rujukan dibenarkan untuk kegunaan rasmi jabatan sahaja.
3. Sekiranya Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) tidak mencukupi untuk rujukan jabatan atau urusan peperiksaan, dibolehkan untuk membuat salinan dengan mematuhi syarat-syarat berikut:
 - 3.1. Rujukan perlu dibuat kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (Pejabat CGSO) bagi mendapatkan kebenaran secara bertulis;
 - 3.2. Salinan yang dibuat hanya untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di jabatan sendiri sahaja;
 - 3.3. Jumlah salinan yang dibuat adalah ditetapkan oleh PKJ dan direkodkan dalam Buku Rekod Kawalan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) serta boleh disemak/ diaudit oleh Pejabat CGSO ;
 - 3.4. Salinan yang dibuat hendaklah ditentukan nombor siri mengikut jumlah salinan yang dibuat. Misalnya, sekiranya Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang asal bernombor siri **34567**, maka salinan yang dibuat hendaklah dengan **34567/ 1, 34567/ 2, 34567/ 3** dan seterusnya.
 - 3.5. Nombor siri salinan Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan senarai pembahagian hendaklah dikemukakan kepada Pejabat CGSO; dan
 - 3.6. Ketua Jabatan hendaklah menetapkan seorang pegawai yang berjawatan tetap bagi urusan penyeliaan Buku Rekod Kawalan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017);

4. Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan salinannya perlu dikembalikan ke jabatan masing-masing sekiranya pegawai atau kakitangan bertukar jabatan atau bersara atau meninggalkan perkhidmatan.
5. Mana-mana pegawai dan kakitangan yang diberi salinan hendaklah memastikan Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) tersebut sentiasa disimpan, dijaga dan diselia dengan cara yang selamat.
6. Kandungan Buku Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) tersebut tidak dibenarkan sama sekali dimuat naik atau dikongsi kandungannya dalam mana-mana aplikasi media sosial atau media elektronik atau seumpamanya.
7. Sekiranya berlaku kehilangan, pegawai atau kakitangan yang terlibat hendaklah melaporkan kepada Pegawai Keselamatan Jabatan atau Ketua Jabatan merujuk kepada perenggan 116 dan 117, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).